

**PANDUAN
PERMOHONAN HADIAH LATIHAN
PERSEKUTUAN BAGI PENGAJIAN
PASCA SISWAZAH**



**Kata-kata Aluan
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, maka Buku Panduan JPA Edisi Keempat dapat diterbitkan sebagai satu usaha murni ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri meletakkan harapan yang tinggi terhadap keupayaan perkhidmatan awam sebagai penggerak kemajuan negara. Ia dizahirkan melalui teras kedua dan kelima RMK-9 yang menekankan aspek modal insan yang berminda kelas pertama dan meningkatkan keupayaan organisasi.

Realitinya, persekitaran perkhidmatan awam tidak lagi seperti biasa. Justeru, JPA perlu terus relevan melaksanakan peranan untuk menjelmakan manifestasi *stakeholders* kepada rakyat. JPA harus sentiasa mengamalkan prinsip *kaizen* bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan adalah berkualiti dan melangkaui kebiasaan.

Saya berharap agar semua usaha JPA dapat diterjemahkan melalui penerbitan Buku Panduan JPA Edisi Keempat ini. Semoga dengan penerbitan Buku Panduan JPA, segala urusan antara pelanggan dengan JPA dapat dipermudahkan dan dipercepatkan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam'.

(TAN SRI ISMAIL ADAM)

1. PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan program tajaan bagi pegawai-pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk mengikuti pengajian di peringkat Ph.D dan Sarjana.

Tawaran ini tidak meliputi Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan sendiri untuk mengendalikan kursus di peringkat Sarjana dan Ph.D seperti Kementerian Pendidikan (bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan), Kementerian Pertahanan (bagi Pegawai Perkhidmatan Ketenteraan) dan Agensi/Badan Berkanun yang telah diswastakan/dikorporatkan/diasingkan sistem saraannya.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN

2.1 Syarat Umum

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti pengajian pasca siswazah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

2.1.1. Kursus di peringkat Ph.D dan Sarjana

- (a) Berumur tidak melebihi **40 tahun** bagi Ph.D dan tidak melebihi **40 tahun** bagi **Sarjana**;

Had maksimum 40 tahun bagi calon Ph.D ini hendaklah tertakluk kepada baki jumlah tahun perkhidmatan yang mencukupi bagi menamatkan perjanjian kontrak dengan Kerajaan. **Ketua Jabatan** adalah diminta untuk menyemak dan mengambilkira syarat yang tersebut di atas sebelum mengemukakan perakuan ke Jabatan ini.

- (b) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda (pencapaian CGPA minimum 2.5)** bagi pengajian peringkat **Sarjana** dan **Ijazah Sarjana** bagi pengajian peringkat **Ph.D** atau setaraf;
- (c) Telah **disahkan dalam perkhidmatan** pada tarikh tutup permohonan. Mencapai **Gred A** dalam **Laporan Nilai Prestasi Tahunan** (purata minimum 85 markah) bagi tempoh 3 tahun berturut-turut;
- (d) Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
- (e) Telah mengisytiharkan harta; dan
- (f) Tidak termasuk nama yang disenaraihitamkan oleh JPA.

2.1.2 *Permohonan Pengajian di Luar Negara**

Sekiranya berjaya diluluskan untuk mengikuti pengajian di luar negara, calon-calon perlu memenuhi beberapa syarat seperti berikut :

- (a) Telah disahkan dalam Perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan;
- (b) Berumur tidak melebihi 40 tahun.
- (c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda (pencapaian CGPA minimum 2.5) bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana bagi pengajian peringkat Ph.D;
- (d) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2005 (jika berkenaan);

Bagi calon yang telah mengikuti kursus jangka pendek di luar negara dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara mestilah melepasi genap satu tahun tamat kursus jangka pendek berkenaan;

Bagi calon yang telah mengikuti kursus jangka panjang di luar negara dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara mestilah melepasi genap dua tahun tamat kursus jangka panjang berkenaan;

- (v) **Mencapai Gred A** dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (purata minimum 85 markah) bagi tempoh 3 tahun genap perkhidmatan (penilaian setahun LNPT genap 12 bulan) berturut-turut)
- (vi) Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (vii) Telah mengisytiharkan harta;
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA; dan
- (x) Menyediakan kertas cadangan pengajian (proposal). Panduan penyediaan seperti dilaman web JPA.

2.1.3. Permohonan Pengajian di Luar Negara

- (a) Telah lulus ujian Bahasa Inggeris skor minimum sama ada TOEFL 580 (*Paper-Based*) atau 230 (*Computer-Based*) atau 92 (*Internet-Based*) atau IELTS 6.5 Syarat ini adalah untuk kemasukan ke semua universiti luar negara termasuk universiti yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Hanya diambilkira bagi tujuan ini;
- (b) Telah menerima tawaran tempat pengajian daripada universiti terkemuka bagi United Kingdom sekurang-kurangnya bertaraf 4A ke atas dan bagi USA bertaraf “*very competitive*” atau “*1 highly competitive*”(Barron’s Profile).

3. IKLAN DAN BORANG PERMOHONAN

Iklan tawaran Hadiah Latihan Persekutuan akan diedarkan melalui surat edaran ke setiap Kementerian/Jabatan dan melalui laman web JPA (www.jpa.gov.my).

4. PENGHANTARAN BORANG

Borang permohonan yang telah lengkap diisi secara *online* dan dilampirkan dengan dokumen yang ditetapkan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan.

5. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Bidang Tugas	Nama Pegawai
Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan	Datin Madinah binti Mohamad 03-88853005 (madinah@jpa.gov.my)
Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan (Operasi)	Encik Zainal Abidin bin Ahmad 03-88853010 (zainalaa@jpa.gov.my)
Ketua Unit Latihan Dalam Perkhidmatan	Cik Saraya binti Arbi 03-88853058 (saraya.arbi@jpa.gov.my)
Urusan Penawaran Hadiah Latihan Persekutuan	Encik Yassir Lutfi bin Ahmad Lutfi 03-88853420 (yassir@jpa.gov.my)

ALAMAT SURAT MENYURAT

Bagi Permohonan Dalam Negeri dan lain-lain Negara (kecuali Jepun)

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 5, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.
(Encik Yassir Lutfi bin Ahmad Lutfi)

Telefon : 03-88853420 /3418 / 3428

Fax : 03-88892171

Bagi Permohonan ke Negara Jepun

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 5, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.
(Cik Siti Haslina binti Hashim)

Telefon : 03-88853432 /3436

Fax : 03-88892172

CARTA ALIRAN

